

**HUBUNGAN PENGETAHUAN ICT DAN KEMUDAHAN
INFRASTRUKTUR ICT DENGAN PENGGUNAAN
BAHAN BANTU MENGAJAR GURU SEJARAH
DAERAH PAPAR**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



RADUAN BIN MOHAMAD

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

10 November 2007

RADUAN MOHAMAD

PS 05-006 (K)-012

DECLARATION

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

10 November 2007

RADUAN MOHAMAD

PS 05-006 (K)-012

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t. kerana di atas rahmat, petunjuk dan pertolongannya telah memudahkan laporan penyelidikan ini untuk disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada; Pengarah Perpustakaan Universiti Sains Malaysia Sabah yang memberikan sokongan dan dorongan bagi menjayakan kajian ini. Pengarah Perpustakaan Kota Kinabalu Sabah yang memberikan sokongan dan dorongan bagi menjayakan kajian ini. Ahli-ahli panel Pusat Kegiatan Guru Daerah Papar (PPG) 2007 yang memberikan sokongan dan dorongan untuk menjayakan kajian ini. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme Instituti Perguruan Gaya. Jabatan Pendidikan ICT, Ketua Jabatan, dan rakan-rakan yang banyak membantu dan member sokongan. Doktor Mohd. Yusof Abdullah penyelia saya, isteri dan anak-anak saya yang sabar dan memberikan dorongan bagi memastikan kajian ini dapat disiapkan. Encik Ismail Andama bagi pengeditan Matematik dan Encik Awangku Sazali Awang Salleh bagi pengeditan Bahasa Melayu dan terjemahan abstrak. Akhir sekali, yang saya hormati guru-guru Sejarah daerah Papar bagi tahun 2007, yang banyak membantu saya bagi menyiapkan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat di kalangan guru Sejarah di daerah Papar. Kajian ini melibatkan 58 orang guru Sejarah di 10 buah sekolah menengah di daerah ini . Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan instrumennya ialah satu set borang soal selidik. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Soalan kajian menjurus kepada tiga aspek iaitu tahap pengetahuan ICT dalam kalangan guru-guru Sejarah dan hubungannya dengan penggunaan BBM berasaskan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dalam bilik darjah, aspek kedua adalah tahap penggunaan infrastruktur berasaskan teknologi maklumat dan kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat dalam kalangan guru Sejarah, dan aspek ketiga ialah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru Sejarah dalam penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Hasil kajian mendapati bahawa guru-guru Sejarah mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat. Sebahagian besar guru Sejarah menganggap masalah yang dihadapi oleh mereka dalam penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat ialah kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai menyebabkan banyak usaha diperlukan untuk perancangan bahan, menghadapi masalah untuk menggunakan alat-alat teknologi ke dalam darjah, beban tugas guru yang banyak, kurang bahan di pasaran dan sukar untuk mendapatkan bantuan teknikal. Dalam kajian ini juga beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah tersebut.

ABSTRACT

USING OF INFORMATION TECHNOLOGY TEACHING AIDS AND ICT INFRASTRUCTURE AIDS AMONGST HISTORY TEACHERS IN THE DISTRICT OF PAPAR

The purpose of this study is to find out the use of IT teaching aids amongst History Teachers in the District of Papar. This study involved 58 History teachers from 10 secondary schools in this district. This study was carried out through a survey using a set of questionnaires. A descriptive statistical methodology was used to analyse the data. The questionnaire was divided into 3 aspects, first the frequency in using IT teaching aids, second the perception on the importance of IT and infrastructure aids in the teaching process and third the problems faced by the History teachers while using these IT teaching aids in teaching. The results of the study showed that is a low frequency in the use of teaching aids amongst the History teachers. The results showed that the History teachers had positive perception towards the importance of using teaching aids. A large number of History teachers were of the opinion that there is a lack of suitable materials to be used in the teaching. They need a lot of effort to plan the materials, transfer of the IT equipment to the classroom, heavy workload, lack of materials in the market and lack of technical assistance. A number of suggestions are included in this study to overcome the problems stated.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRAC	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Soalan Kajian	19
1.7 Hipotesis	19
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Batasan Kajian	22
1.10 Definisi Istilah	24
1.8 Kesimpulan	28

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Penggunaan Media Pengajaran	33
2.3	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah.	34
2.4	Kajian Lepas bahan bantu mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran	35
2.5	Masalah dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	40
2.6	ICT Dalam Pendidikan Di Sekolah	45
2.7	Falsafah Pendidikan Dan Integerasi ICT Dalam Pendidikan	47
2.8	Rasional Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan	48
2.9	Perancangan Dan Perlaksanaan ICT	48
2.10	Guru Dan Keperluan Dalam Penggunaan Jaringan ICT	50
2.11	Kerangka Kajian	51
2.12	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	54
3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	55
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	56
3.5	Instrumen Kajian	57
3.6	Prosedur Kajian	60

3.7	Analisis Data	61
3.7.1	Analisis Deskriptif	62
3.7.2	Analisis Korelasi	62
3.8	Kesimpulan	64

BAB 4 ANALISIS DATA DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	65
4.2	Latar Belakang Kajian	66
4.3	Profil Responden Kajian	67
4.4	Analisis Data Soalan Kajian	72
4.5	Kesimpulan	77

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Dapatan Kajian	87
5.2.1	Penggunaan bahan bantu mengajar dan kemudahan infrastruktur berasaskan teknologi maklumat ICT di kalangan guru Sejarah	83
5.2.2	Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru Sejarah dalam penggunaan bahan bantu Mengajar berasaskan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah	84
5.2.3	Persepsi guru-guru Sejarah tentang kepentingan penggunaan ICT dan hubungannya dengan kekerapan penggunaan BBM berasaskan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dalam bilik darjah	87
5.2.4	Pengalaman guru mengajar dengan pengetahuan guru tentang penggunaan BBM dalam matapelajaran Sejarah	89

5.3	Rumusan	91
5.4	Cadangan Kajian	91
5.5	Saranan Penyelidikan lanjut	95
5.6	Kesimpulan	96
BIBLIOGRAFI		98
LAMPIRAN		104



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.3 Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrument Kajian Rintis	55
3.5.1 Skala Likert Empat Poin	59
3.5.2 Analisis Kandungan Instrumen (Soal Selidik)	59
3.7 Klasifikasi Kekuatan Korelasi	63
3.8 Hipotesis Dan Kaedah Analisis Yang Digunakan Dalam Kajian	63
4.3.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	67
4.3.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa	68
4.3.3 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	69
4.3.4 Taburan Responden Mengikut Opsyen	71
4.3.5 Taburan Responden Pernah Mengikuti Kursus Kemahiran Komputer	71
4.3.6 Taburan Responden Pernah Mengikuti Kursus Penggunaan BBM Berasaskan Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran.	72
4.4.1 Mengenal Pasti Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dan Penggunaan Infrastruktur Berasaskan Teknologi Maklumat ICT Di Kalangan guru Sejarah.	73
4.4.2 Mengenal Pasti Permasalahan Yang Dihadapi Oleh Guru Matapelajaran Sejarah Dalam Kemudahan Infrastruktur ICT .	73
4.4.3 Persepsi Guru-guru Sejarah Tentang Kepentingan Penggunaan ICT Dan Hubungannya Dengan Kekerapan Penggunaan BBM Berasaskan Teknologi Maklumat Dalam Proses Pengajaran Dalam Bilik Darjah	75
4.4.4 Hubungan Pengalaman Guru Mengajar Dengan Pengetahuan Guru Tentang Penggunaan BBM Dalam Matapelajaran Sejarah	77

SENARAI RAJAH

Gambar Rajah	Muka Surat
2.9 Panduan Rancangan Sistematis	49
4.3.1 Carta Silinder Taburan Responden Mengikut Jantina.	67
4.3.2 Carta Silinder Taburan Responden Mengikut Bangsa.	68
4.3.3 Carta Bar Taburan Kelayakan Akademik Responden.	69
4.3.4 Carta Bar Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	70
4.4.1 Catra Piramid Mengenal pasti tahap penggunaan bahan bantu mengajar dan Penggunaan infrastruktur berasaskan teknologi maklumat ICT di kalangan guru Sejarah.	72
4.4.4 Carta Garisan Hubungan Antara Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah Dengan Penggunaan ICT Dalam Kalangan Guru Sejarah.	76

SENARAI SINGKATAN

ABM	- Alat Bantu Mengajar
BBM	- Bahan Bantu Mengajar
BPG	- Bahagian Pendidikan Guru Daerah Papar
CD	- Compact Disc (Cakra Padat)
CD-ROM	- Compact Disk - Random Access Memory (Cakra Padat – Ingatan Capai Rawak)
DVD	- Digital Video/Versatile Disc
E-mail	- Aktiviti pertukaran mesej, suatu kaedah membuat nota atau persuratan dalam bentuk elektronik melalui internet
ICT	- Information Technology and Communication
KBSM	- Kukurikulum Baru Sekolah Menengah
KDP	- Kursus Dalam Perkhidmatan
LCD	- Liquid Crystal Display
OHP	- Over Head Projector
SMA	- Sekolah Menengah Atas
SMR	- Sekolah Menengah Rendah
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
TM	- Teknologi Maklumat
VCR	- Video Compact Rewrite

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negara kita Malaysia sedang melalui satu zaman transisi ke zaman bermaklumat. Rakyat Malaysia sedang membuat anjakan paradigma ke arah tenaga kerja yang memiliki teknologi serta berkeupayaan bertindak dalam persekitaran kerja yang bersifat global dan menggunakan peralatan yang sedia ada dalam zaman bermaklumat ini. Perubahan-perubahan yang berlaku ini telah memberi cabaran kepada guru-guru khasnya guru-guru Sejarah untuk memenuhi kehendak sistem pendidikan negara.

Dalam dunia globalisasi ini teknologi maklumat sudah pun diterima oleh kebanyakan guru sebagai inovasi baru dalam pengajaran. Penggunaan teknik berasaskan teknologi dan kemudahan infrastruktur yang ada bukan sahaja membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran malah dapat juga memenuhi keperluan, minat, kebolehan dan mengatasi masalah pembelajaran pelajar.

Pada hari ini terdapat kemudahan infrastruktur dan alat-alat teknologi yang boleh membantu para guru menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan cekap. Bagi mencapai matlamat ini sistem pendidikan harus mengalami anjakan dan perubahan dalam penyediaan infrastrukturnya. Bukan itu sahaja, budaya sekolah juga harus berpindah dari sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran kreatif, di samping mengaplikasikan teknologi maklumat terkini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem Pendidikan yang diamalkan di negara ini adalah kesinambungan daripada Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib seperti yang terkandung dalam Akta Pelajaran 1961. Sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan untuk memenuhi dari masa ke masa. Pengetahuan yang diperoleh melalui teknologi maklumat adalah amat luas, guru perlu memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat ini.

Oleh itu kewujudan teknologi maklumat dan infrastrukturnya yang mencukupi dalam dunia pendidikan akan membolehkan guru menjadi fasilitator kepada pembelajaran individu dan memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang baik serta kemahiran sosial dan inter-personal dalam kalangan pelajar. Oleh itu pelbagai kaedah pengajaran perlu digunakan untuk menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar. Kemajuan teknologi maklumat mampu mengubah situasi bilik darjah, peranan guru dan pelajar.

Dalam Falsafah Pendidikan Negara menekankan pernyataan berikut "*Education in Malaysia is an on-going effort towards further developing the potential of individuals in a holistic and integrated manner, so as to produce individuals who are intellectually, spiritually, emotionally and physically balanced and harmonious, based on a firm belief in and devotion to God. Such an effort is designed to produce Malaysian citizen who are knowledgeable and competent, who possess high moral standards, and who are responsible and capable of achieving a high level of personal well being as well as being able to contribute to the harmony and betterment of the family, society and nation at large*". Pendidikan di Malaysia ingin melahirkan insan atau individu yang seimbang dalam semua aspek seperti pendidikan yang bertaraf dunia, mengintegrasikan ICT

dalam kurikulum. Tujuan pelajaran yang berasaskan ICT adalah untuk mengoptimalkan kualiti pendidikan. Pada zaman ini, guru seharusnya menjadi kumpulan insan moden, berkebolehan, berdaya saing, berdaya maju, berinovasi dan mampu menguasai teknologi maklumat (ICT) dan menggunakannya dalam pengajaran selaras dengan perkembangan masa dan tuntutan pendidikan. Seramai 200,000 atau kira-kira 66.7 peratus daripada 300,000 guru di seluruh negara sudah diberi pendedahan pelbagai kursus latihan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), setakat ini.

Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), agenda pembestarian sekolah dilaksanakan berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah, serta kompetensi guru.

Penekanan terhadap kepentingan peranan ICT dalam menjana kemajuan bidang pendidikan negara itu selaras dengan tema sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2006, iaitu 'Pendidikan Bestari Pemangkin Kegemilangan'. Bagi pelaksanaan itu, kementerian sudah mengedarkan sejumlah 97,000 komputer riba, 70,000 projektor paparan cecair kristal (LCD), 67,439 skrin serta 2,000 judul perisian kursus. Selain itu dalam pelaksanaan projek sekolah rintis bestari pula, katanya, sebanyak 5,809 komputer, 261 pelayan, 1,494 judul, 243 judul perisian kursus berasaskan web dan 33 aplikasi sistem pengurusan sudah pun dibekalkan, manakala 88 sekolah terbabit pula dijadikan penanda aras. Lebih menarik, kepentingan peranan ICT dalam pelaksanaan 'Sekolah Futuristik' di Malaysia juga ditonjolkan melalui Pameran Kecemerlangan Pendidikan 2006 yang akan diadakan sempena sambutan Hari Guru tahun ini. Sekolah Futuristik adalah model sekolah masa depan yang mengintegrasikan

ICT dalam pengurusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, kokurikulum, bantuan pelajar, pusat sumber serta program komuniti.

Para guru harus menyahut cabaran kemajuan teknologi maklumat ini dengan mempelajari teknik-teknik penggunaan perkakasan teknologi dan bersedia pula untuk menggunakannya secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknik pengajaran tradisional yang menekankan penyampaian pengetahuan melalui cara syarahan dan penerangan guru tidak lagi dapat dianggap sebagai kaedah yang memuaskan dalam proses pengajaran. Oleh itu, Polisi Liberalisasi adalah bermaksud untuk meluaskan lagi ilmu pengetahuan dan meninggalkan cara atau kaedah tradisional. Proses meliberalisasi dalam pendidikan bermula pada 1990an lagi, di mana kementerian pendidikan dan jabatan pelajaran telah menggunakan komputer (Sufean Husin, 2002).

Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat boleh membantu guru Sejarah memastikan pelajar memahami, menghayati dan menguasai ilmu pengetahuan dengan cara lebih menarik dan berkesan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu bertujuan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Md.Yusof,1993). Bahan bantu mengajar ini juga dikenali sebagai alat bantu mengajar, media pendidikan, bahan sumber dan bahan pengajaran. Di sini pengkaji menggunakan istilah bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi maklumat iaitu hanya merujuk kepada alatan elektronik. Oleh itu guru-guru Sejarah dituntut mempunyai kebolehan dalam bidang sains dan teknologi, berinovasi, bijak mengadaptasi kemudahan teknologi dengan menggunakan infrastruktur teknologi maklumat yang ada, serta sentiasa sensitif terhadap keperluan pengajaran Sejarah dengan menggunakan pelbagai jenis BBM berasaskan teknologi maklumat.

Pada hari ini reformasi berlaku dalam semua matapelajaran. Bagi mencapai matlamat Wawasan 2020 dan konsep Sekolah Bestari seperti yang disarankan oleh mantan YAB Perdana Menteri, maka seharusnya diperlukan suatu Falsafah Pendidikan yang dapat mencerminkan hasrat dan cita-cita pendidikan Malaysia bagi menyahut cabaran pendidikan abad ke-21. Oleh itu dalam tahun-tahun akan datang pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan tidak lagi berasaskan satu disiplin tetapi berorintasikan gabungan disiplin teknikal, statistik dan teknologi.

Bagi mencapai matlamat ini, matapelajaran Sejarah wajib dipelajari oleh semua pelajar sama ada mereka berminat atau tidak. Menurut Ross (1991), Sejarah merupakan satu mata pelajaran yang berkenaan tingkah laku manusia pada masa lampau. Golongan pendidik menganggap matapelajaran Sejarah sahaja dapat membantu golongan pelajar memahami politik, sosial, agama dan juga masalah ekonomi sesebuah negara. Semua perkara tersebut hanya dapat difahami sekiranya para pelajar mempunyai pengetahuan sejarah yang mencukupi.

Oleh itu pengajaran Sejarah di Malaysia dijalankan di sekolah dengan harapan untuk membangkitkan semangat patriotik dan kebangsaan negara dalam kalangan pelajar. Hal ini merupakan matlamat yang terdapat dalam sukatan pelajaran Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Peranan para guru amat penting bagi mencapai matlamat sukatan pelajaran Sejarah. Mereka berperanan penting untuk membentuk pelajar menjadi seorang warganegara yang baik, berpengetahuan dalam pelbagai disiplin, menanamkan sifat menghargai warisan budaya, mendidik dan memahami akar umbi isu global semasa serta menanam sikap empati dan kemahiran berfikir secara kritis. Bukan itu sahaja,

Sejarah juga boleh membantu dalam membentuk identiti nasional dalam kalangan pelajar. (Dyngneson & Gross,1999).

Selaras dengan hasrat negara yang bergerak ke arah penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan, maka wajarlah guru-guru Sejarah juga mengikut arus ini dan menggunakannya. Cara pengajaran Sejarah yang streotaip boleh menjadi lebih bermakna dan menarik dengan menggunakan infrastruktur yang disediakan dan pelbagai bahan media dan teknologi yang ada. Penggunaan video dan CD-ROM sebagai contohnya membolehkan pencarian maklumat dilakukan dengan mudah dalam bentuk teks, ucapan grafik, muzik, audio klip atau video klip (Merrill et.al.,1996).

Selain itu, penggunaan internet juga mampu memberi peluang kepada guru Sejarah memberi pengajaran yang berkesan. Dengan menggunakan internet guru boleh memasukkan bahan pengajaran Sejarah ke dalam e-mel atau laman web yang akhirnya membolehkan para pelajar mengakses bahan tersebut sekiranya pelajar inginkan bahan berkenaan. Hal ini membantu menerapkan konsep berdikari dalam diri pelajar.

Selain itu, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri yang diimpikan dalam Wawasan 2020. Bagi menjayakan wawasan tersebut, rakyat Malaysia perlu mempunyai pengetahuan tentang dunia luar supaya berkemampuan untuk bersaing dengan mereka. Persaingan tidak dapat dielakkan dalam dunia globalisasi kerana kuasa politik dan ekonomi dikawal oleh masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Oleh itu, pendidikan di Malaysia berperanan memperkenalkan murid kepada dunia luar menerusi kurikulum futuris yang turut memberikan penekanan kepada pendidikan bertaraf dunia. Bagi mencapai pendidikan bertaraf dunia, teknologi maklumat dan infrastrukturnya perlu dikembangkan dan digunakan sepenuhnya oleh para pendidik. Para pendidik harus peka dengan situasi atau persekitaran demikian

terutama dalam mengubah dan merevolusikan mental sendiri supaya mereka celik maklumat dan celik teknologi maklumat. Pelaksanaan Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains Dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun 2003 telah memperlihatkan hasrat kerajaan untuk mengintegrasikan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

Mata pelajaran Sejarah bukan setakat mengenali sejarah tanah air malah juga untuk melahirkan warganegara yang bersatu padu seperti yang ditekankan dalam matlamatnya. Menurut Kementerian Pendidikan (2000), " Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah luar yang berkaitan, para pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Pendidikan Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa."

Guru Sejarah patut melakukan sesuatu supaya matapelajaran ini dihayati dan diminati oleh semua pelajar. Jesteru itu, cara pengajaran dan kaedah yang digunakan oleh guru memainkan peranan penting. Guru patut mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai khususnya yang berasaskan teknologi maklumat. Ianya suatu proses program yang melibatkan teknologi dalam pendidikan yang melibatkan proses dan bukannya produk. " Teknologi dalam pendidikan adalah kombinasi daripada proses dan pembinaan bahan bantu mengajar atau tool dalam keperluan dalam mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu pendidikan berteknologi dimaksudkan sebagai, *"Educational technology is a*

combination of the processes and tools involved in addressing educational needs and problems with an emphasis on applying the most current tools: computer and their related technologies" (Roblyer, 2003: 6).

Dalam era sains dan teknologi bahan pembelajaran bukan sahaja terhad kepada kemudahan infrastruktur buku teks dan alat tulis serta pengajaran tradisional tetapi meliputi kemudahan infrastruktur berasaskan ICT, iaitu bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat seperti komputer, internet, LCD, CD-ROM, kamera digital dan lain-lain. Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan tentang pelaksanaan strategi kesepaduan dalam KBSM tahun 1991 menyatakan bahawa aktiviti pengajaran guru banyak berkisar di sekitar buku teks dengan menggunakan teknik syarahan dan penerangan. Alat bantu mengajar, alat pandang dengar serta sumber-sumber lain kurang digunakan untuk menggalakkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991).

Senario ini kerana kejayaan konsep Sekolah Bestari yang dihasratkan oleh kerajaan amat bergantung pada tangan para guru. Kejayaan penggunaan BBM berasaskan teknologi maklumat juga terletak pada bahu para guru. Oleh itu guru Sejarah harus mempelajari semua kemahiran menggunakan peralatan ini. Semua ini diharap dapat menyokong ke arah pembelajaran yang efisien. Jika guru-guru Sejarah menggunakan BBM sepenuhnya di dalam bilik darjah, tentu sekali ini akan memberikan satu pengalaman pembelajaran baru dan mengubah paradigma pengajaran dan pembelajaran mereka. Persoalan yang sering ditimbulkan ialah tentang kesediaan guru untuk memastikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran mengambil kira keperluan untuk memastikan hasrat kurikulum Sejarah dicapai dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian, pada hari ini para pendidik Sejarah harus bersedia untuk mengikut arus globalisasi ini. Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat masih dalam peringkat permulaan di negara kita, terutamanya dalam matapelajaran Sejarah. Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi maklumat masih merupakan satu bidang yang belum begitu dikenali dalam kalangan guru Sejarah. Penerimaan guru Sejarah terhadap teknik pengajaran ini tidak dapat ditentukan, malah keberkesanannya juga disangsikan oleh sesetengah pihak.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelbagai isu diperdebatkan berkaitan pelaksanaan ICT dalam pengurusan pendidikan dan pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah faktor praktikaliti, pedagogi, polisi, falsafah dan personal. Walau bagaimanapun bagi tujuan kertas kerja ini hanya isu pedagogi, personal dan polisi akan diperkatakan.

Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa untuk berada di dunia yang telah mula didominasi oleh kehidupan cara ICT, setiap guru perlu mencapai kompetensi yang memastikan mereka mempunyai kemahiran berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah dan berupaya membuat analisa, intepretasi, menilai dan mengaplikasikan maklumat secara meluas dalam pelbagai sistem. Keadaan ini menjadikan isu pedagogi menjangkau luas di semua peringkat institusi pendidikan sama ada di sekolah, kolej dan universiti;

- Pengajaran dan pembelajaran secara integrasi dan kolaboratif. Penggunaan internet sahaja tidak boleh menjamin yang pelajar kita mencapai matlamat berkenaan. Bagi memastikan ia tercapai secara berkesan, pelajar mesti

mendapat kemahiran perbagai bidang merentasi kurikulum. Pelaksanaan ke arah itu memerlukan perubahan dalam amalan kita semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya kolaborasi antara guru daripada pelbagai disiplin ilmu perlu ditingkatkan lagi. Intergrasi pembelajaran merentasi kurikulum pula boleh juga melibatkan komuniti yang menjadi persekitaran kepada pendidikan tersebut.

- Kemudahan ICT meningkatkan pembelajaran secara memenuhi gaya pembelajaran individu, membolehkan pelajar mengaitkan pengetahuan dan analisa, menerangkan dan menggunakan pengetahuan kepada aplikasi yang praktikal, membuat keputusan dan berkerjasama. Kemudahan internet dilihat sebagai mempunyai potensi untuk mencapai cabaran ini kerana ia boleh dijadikan saluran pelaksanaan bercorak individu. Pengajaran dan pembelajaran secara konstruktif yang menekankan perolehan makna kepada individu dan aplikasi pengetahuan membuatkan peningkatan penglibatan pelajar dan pengajar, dan cara belajar.
- Pemilihan dan gabungan pelbagai media menepati gaya pembelajaran individu seperti penggunaan teknik laman web dan perisian simulasi yang meningkatkan penganalisaan maklumat dan kemahiran menyelesaikan masalah.
- Penilaian. Kemudahan ICT boleh digunakan sebagai proses penilaian yang sesuai dan sah. Penilaian atau ujian GMAT dan TOFEL boleh dilihat sebagai contoh pelaksanaan ini pada peringkat global.
- Internet seharusnya dimanfaatkan sebagai instrumen atau alat dalam pengajaran dan pembelajaran, dan bukannya sebagai perantara.

Urutan daripada perubahan ini, pelbagai cabaran baru dihadapi oleh para pendidik.

- Keperluan dan kemahiran baru yang berkaitan dengan perkembangan teknologi dan amalan pendidikan terkini perlu diperolehi oleh setiap pendidik.
- Menerima hakikat perubahan pendekatan pedagogi daripada amalan secara sehalu kepada pendekatan membimbing dalam pembelajaran. Seharusnya diingat bahawa membimbing memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang meluas dan mendalam dalam sesuatu topik.
- Dorongan dan sokongan amat diperlukan oleh mereka yang terlibat bagi menghadapi perubahan ini.
- Fleksibiliti dalam penglibatan kakitangan akan memberi kesan kepada perjawatan dan suasana berkerja.
- Persepsi pelajar terhadap guru dan peranan guru. Kita boleh lihat apa yang sedang berlaku di sekolah kita sekarang. Apa pendapat anda?
- Cabaran daripada campur tangan komuniti dalam perkara berkaitan kurikulum dan organisasi pendidikan.

Bagi menjamin kejayaan memanfaatkan kemudahan ICT dalam sesuatu organisasi, mendambakan inisiatif dan kerjasama padu daripada semua pihak. Keputusan yang dibuat oleh pihak atasan atau kerajaan patut diikuti dengan pengujudatan polisi dan perancangan di peringkat organisasi.

Dunia pendidikan kini melangkah ke zaman teknologi maklumat selaras dengan perkembangan semasa. Bidang teknologi maklumat mula diberi penekanan oleh kerajaan dengan hasrat untuk menjadikan kesemua 10,000 sekolah menengah sebagai Sekolah Bestari menjelang tahun 2010. Hasilnya penggunaan teknologi akan berkembang dengan pesat dalam dunia pendidikan. Muffeleto (1994) dalam Roblyer (2003) menyatakan bahawa teknologi dianggap sebagai sebahagian dari pekakas,

peralatan, instrumen, mesin dan lebih kepada teknologi adalah komputer, walhal konsepnya adalah lebih luas dan bukan sekadar itu sahaja. Senario ini menunjukkan pembelajaran akan lebih cenderung kepada konsep sendiri, yang mengikut kemampuan individu, kesinambungan dan reflektif.

Dalam tempoh terdekat yang telah kita lalui, saya yakin kita semua sentiasa dalam kejutan kerana perubahan yang berlaku begitu drastik sekali. Dunia pendidikan kita juga tidak terkecuali daripada simbahan arus perdana perubahan ini. Pelbagai penemuan dalam ciptaan sains dan teknologi membuatkan dunia pendidikan yang begitu konservatif nampak tidak dapat bertahan lagi. Terma-terma seperti komputer, teknologi maklumat, teknologi maklumat dan komunikasi, kad pintar, sekolah pintar, dan lain-lain lagi membuat kita semua akur bahawa perubahan sentiasa berlaku dan kita sebahagian daripadanya. Reformasi yang dibawa dalam dunia pendidikan yang melibatkan teknologi maklumat turut melibatkan matapelajaran Sejarah di sekolah menengah. Sejarah merupakan matapelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan selama lima tahun. Oleh itu kurikulum Sejarah pada Sekolah Menengah Rendah (SMR) mempunyai kesinambungan pada peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA).

Perkara yang menyedihkan pada hari ini ialah guru-guru Sejarah masih lagi menggunakan kaedah kuliah dalam pengajaran mereka. Kaedah konvensional ini adalah ketinggalan pada era teknologi maklumat. Pengajaran secara tradisional ini menyebabkan matapelajaran Sejarah masih menjadi satu matapelajaran yang tidak diminati oleh pelajar sekarang. Selaras dengan perkembangan teknologi, guru-guru Sejarah juga harus membuat satu perubahan dalam kaedah pengajaran mereka dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian mengikut zaman serta